

‘Rumput Stadium Nasional terselak, bukan tercabut’

» Perbadanan Stadium Malaysia selepas ini hanya benarkan stadium utama itu digunakan antara lapan hingga maksimum 15 kali setahun

Kualiti rumput di padang Stadium Nasional Bukit Jalil bukanlah perkara asing, malah isu berkenaan sering diperkatakan mereka yang terbabit secara langsung dalam bola sepak. Peminat pula menganggap ia sesuatu yang mengecewakan setiap kali berlangsung acara bola sepak utama membabitkan pasukan negara.

Masalah lama itu terus menjelaskan pelbagai kritikan baru pada aksi final Piala Malaysia yang menyaksikan sebahagian umbi rumput jenis Bermuda Green Mountain kelihatan seolah 'tertanggal' lantas mendorong Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) memutuskan perlawanan persahabatan antara bangsa Harimau Malaya bertemu Syria, Rabu lalu berlangsung di Stadium Shah Alam.

FAM tidak mahu mengambil risiko andai perlawanan persiapan menjelang Piala Suzuki AFF 2014 itu diadakan di Stadium Nasional yang rumputnya kekal bermasalah biarpun baru sekali digunakan pada final Piala Malaysia musim ini.

Justeru, wartawan BH Sukan-Azidan Nahar mendapatkan pandangan Pengurus Perbadanan Stadium Malaysia (PSM), **Datuk Rozabil Abdul Rahman** untuk memberikan penjelasan berhubung perkara berkenaan.

Soalan (S): Apakah masalah sebenar dihadapi padang di Stadium Nasional sedangkan menurut laporan, pihak pengurusan sudah membelanjakan kira-kira RM1.5 juta untuk kerja membaik pulih?

Jawapan (J): Kita sudah diberi RM1.5 juta, tetapi ia bukan untuk padang saja, jumlah berkenaan termasuk untuk sistem perparitan. Jika kita lihat sebelum ini jika hujan padang akan dipenuhi air tetapi sekarang tiada lagi. Sebelum final Piala Malaysia baru-baru ini, hujan lebat selama dua jam tetapi air sudah tidak bertakung. Masalah padang ini bukan baru tetapi ia berlaku sejak 1998 lagi.

Begitupun padang bukan isu utama kerana struktur stadium ini sendiri sebenarnya mendatangkan masalah, ia membutkan pertumbuhan rumput. Dalam sehari rumput yang ditanam hanya menerima cahaya secara penuh selama 1 jam.

Orang boleh cakap padang rosak tetapi rumput ini akan mati jika tiada cahaya yang cukup, tambahan pula padang di Stadium

Nasional Bukit Jalil ini berada di bawah paras laut.

S: Apakah langkah susulan yang dibuat PSM bagi membaiki kualiti padang ini?

J: Ingin saya jelaskan di sini, rumput Bermuda Green Mountain yang ditanam ketika ini bukan tercabut seperti dilaporkan tetapi ia terselak, ia jenis yang menjalar, akarnya kuat tetapi jika kasar ia boleh terselak tetapi bukan rosak kerana ia memiliki karakter seperti itu.

Oleh itu kita akan buat rawatan cara lain selepas ini. Kita mahu tukar sistem penjagaan dan rawatan, kita mahu cuba cara memotong dengan pendek dan ini dilakukan dengan kerjasama seorang profesor dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mencadangkan kaedah ini. Kita mahu ia cukup kuat dan tidak tercabut.

S: Mungkin boleh menggunakan cow grass?

J: Kita sudah membelanjakan RM400,000 untuk padang dengan kerja dilakukan sejak November tahun lalu. Kita tanam rumput jenis Bermuda ini selepas mencuba empat jenis rumput, yang mana dua daripadanya didapati tidak sesuai. Sebab itu kita guna Bermuda ini.

Berbalik kepada cow grass, rumput jenis ini sering digunakan di padang sekolah dan adalah kurang sesuai kalau digunakan di Stadium Nasional dan biarlah kualiti yang lebih baik.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar juga ada melihat rumput cow grass di beberapa stadium lain termasuk di Larkin, Johor dan saya sendiri tengok di Selayang serta Shah Alam.

Berbeza dengan Stadium Nasional, stadium lain menerima banyak cahaya kerana ia terbuka. Di Stadium Nasional kita perlu menjaga dan menyediakan 'grow light' jika mahu padang benar-benar cantik, satu unit 'grow light' hanya sepanjang 1.5 meter x 4.5m, ia tidak cukup untuk menampung pembesaran semua rumput di padang apatah lagi harganya mahal. Cow grass juga perlukan cahaya yang banyak, jika tidak ia juga susah nak hidup.



S: Mungkin ada cadangan lain untuk mendapatkan padang benar-benar berkualiti?

J: Memang ada cadangan untuk tukar kepada rumput tiruan tetapi Stadium Nasional ini juga kita gunakan untuk pelbagai acara kerana ada trek di sekeliling padang selain tujuan utama untuk bola sepak. Pada 2017 kita juga

akan menganjurkan Sukan SEA, stadium ini akan menjadi stadium utama.

Saya pernah berbincang dengan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan mereka berihu ia (padang tiruan) memang tidak sesuai kerana ada acara memerlukan penggunaan padang sebenar contohnya baling tukul besi serta lempar cakera, jika jatuh atas padang tiruan bagaimana hendak menandanya?

S: Bagaimana dengan kekerapan penggunaan stadium ini hingga ia mungkin menyebabkan berlaku banyak kerosakan pada padang?

J: Sebelum ini padang itu tidak digunakan selama tiga bulan, kita tidak benarkan apa-apa aktiviti, saya sudah mewarisi stadium ini yang dibina sejak 1998, struktur stadium ini memang ada masalah kepada padang kerana memang kurang cahaya.

Saya juga sudah memberi amaran sekiranya padang sudah elok tidak akan ada sebarang aktiviti lain seperti perhimpunan atau konsert kecuali ada platform yang dibina untuk mengelak rumput daripada rosak.

Selain itu (acara lain) saya tidak akan memberi kebenaran, saya juga sudah menghantar laporan dan cadangan kepada pihak berwajib.

Selepas ini kita sasarkan untuk menggunakan stadium ini hanya antara lapan hingga 10 kali setahun dan dalam situasi maksimum, ia hanya boleh digunakan kira-

kira 15 kali.

Kegunaan utama ialah untuk perlawanan bola sepak persahabatan serta final kejohanan bola sepak tempatan.

S: Apa yang ingin Datuk katakan kepada peminat bola sepak yang sentiasa mengharapkan stadium ini berupaya memiliki padang yang cantik sesuai dengan statusnya?

J: Saya minta sokongan semua peminat bola sepak, kita perlu sabar sedikit, kita sudah tutup sejak Oktober 2013, keluarkan rumput dulu, buat sistem perparitan, Mac lalu baru tanam rumput, asasnya sudah kuat dan cukup matang sebenarnya.

Saya tidak salahkan mana-mana pihak kerana tidak faham apa yang berlaku di stadium ini, mereka mahukan padang yang cantik dan sempurna, kita sudah buat yang terbaik tetapi ia berkaitan masalah struktur yang kita tidak boleh atasi begitu saja, bumbung stadium ini saja ini sampai hampir ke padang yang menghalang sinaran mata hari.

Berilah kami sedikit masa, Insya Allah pada pusingan kedua Piala Suzuki AFF + nanti ia boleh dilangsungkan di padang ini, perlu saya tegaskan

ia bukan rosak tetapi terselak, ia karakter r u m u t jenis Ber- m u d a ini.

